

21/07/2001

Forum 'Bukit Cik Tam' titik mula dialog Umno-Pas

Azman Abdul Hamid

WALAUPUN dialog Umno-Pas berhubung perpaduan Melayu menemui jalan buntu di tanah air, ia tidak bermakna proses mencari kesepakatan atau persefahaman untuk kebaikan masyarakat Melayu Islam di Malaysia juga terhenti.

Pada peringkat parti politik, Umno dan Pas hanya berbeza dari segi retorik. Disebabkan retorik lantang kedua-dua pihak, dialog pada peringkat lebih rendah diperlukan bagi memulakan proses untuk sekurang-kurangnya membincangkan aspek kepentingan bersama sebelum membahaskan isu lebih rumit.

Baru-baru ini, wakil Umno dan Pas menyertai satu forum bertukar-tukar pandangan di Cheetham Hill, Manchester.

Tema forum itu ialah "Malaysia Visi Alternatif - Cabaran dan Hala Tuju Demokrasi di Malaysia" dan dilancarkan oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Turut hadir, Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar, Presiden Jemaah Islah Malaysia (JIM), Dr Hatta Shaharom dan wakil Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Chairul Iqbal.

Kira-kira 120 pelajar Malaysia dari universiti di Manchester, Leeds, Sheffield dan Salford selain dari Mesir turut menyertai forum itu.

Hadir bagi pihak Umno ialah Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Annuar Musa. Turut hadir ialah Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim.

Apa yang memberangsangkan ialah forum kali ini berjalan dengan tenang. Kedua-dua wakil Umno dan Pas berpeluang membentangkan hujah dan penjelasan tanpa gangguan serta menerima pandangan pihak berlawanan dengan sikap terbuka.

Sejajar tema forum tajaan kelab Pas itu, empat ahli panel dipilih, iaitu Mahfuz, Dr Hatta, Ghazali dan Annuar.

Tetapi perhatian tertumpu kepada kenyataan Mahfuz sebagai pembentang dan Annuar memberi pandangan balas.

Seperti dijangkakan, isu yang dikemukakan bersifat tuduhan bahawa kerajaan tidak mengamalkan demokrasi dalam erti kata sebenar, menzalimi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menerusi Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan dakwaan bahawa Pas lebih pro-aktif daripada Umno dari segi dakwah Islamiah.

Mahfuz mendakwa Malaysia tidak mengamalkan sistem demokrasi dengan betul dan menggesa supaya ISA dimansuhkan berdasarkan anggapan ia disalahgunakan serta menimbulkan ketakutan bagi mereka yang ingin bersuara.

Beliau juga mendakwa, institusi kehakiman Malaysia tidak telus dan membuat tanggapan bahawa kerajaan campur tangan dalam institusi kehakiman. Mahfuz menuduh kerajaan menetapkan hakim bagi mengadili kes tertentu.

Dalam hujah balasnya, Annuar berkata, setiap negara yang mengamalkan sistem demokrasi mengubah dan meminda peraturan mengikut kesesuaian sendiri, termasuk Malaysia.

"Sistem demokrasi di Malaysia adalah yang terbaik kerana semua pihak mendapat layanan sama. Malah, pelajar yang lantang bersuara menentang kerajaan turut diberikan biasiswa," katanya.

Menerangkan dengan lebih lanjut, beliau juga merujuk kepada kemenangan calon pembangkang dalam setiap pilihan raya sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Kerajaan juga memberi kebebasan media dengan memberi permit kepada Pas untuk mengeluarkan tabloid Harakah dan tidak menarik balik lesennya

sekalipun melanggar peraturan dengan menjualnya secara terbuka," katanya.

Annuar juga menyifatkan hujah Mahfuz mengenai kes Anwar sebagai tidak wajar jika mengambil kira penerimaan pemimpin pembangkang dalam kes seorang anggota kanan Pas, Mohamad Sabu, yang dilenyapkan begitu saja kerana percanggahan fakta.

Beliau juga meminta Mahfuz tidak memesongkan fakta penahanannya mengikut ISA yang mana Ketua Pemuda Pas itu mendakwa beliau ditahan mengikut ISA atas kesalahan orang lain.

"Kenyataan beliau cuba menunjukkan kepada peserta forum bahawa kerajaan bertindak zalim ke atasnya," kata Annuar.

Beliau juga menegur sikap Pas yang mendabik dada berdakwah di negara lain, termasuk menerangkan konsep Islam kepada Menteri Luar Australia, Alexander Downer, tetapi gagal menghapuskan tentangan DAP terhadap konsep Islam yang mahu diperkenalkannya di Malaysia.

"Pakatan pembangkang (Pas, DAP, Keadilan dan PRM) akan menjadi satu pakatan yang rapuh. Ini berlaku kerana tiada persefahaman asas dan dakwaannya bahawa pakatan itu mampu menjadi kerajaan alternatif tidak dapat diterima kerana ia adalah retorik semata-mata," katanya.

Pembentangan Mahfuz yang dibalas oleh Annuar dalam suasana tenang dan tenteram wajar dicontohi kerana ia menunjukkan penyokong dua parti politik utama Malaysia itu boleh bersikap terbuka.

Pada penghujung tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membayangkan kerajaan sedia mendekati pelajar - sesuatu yang sudah lama dilakukan Pas - supaya pelajar tidak hanya dimaklumkan mengenai pendirian satu pihak saja.

Sehubungan itu, forum di "Bukit Cik Tam" di Manchester itu boleh menjadi titik tolak memulakan dialog Umno dan Pas di tanah air pada peringkat yang sama secara berterusan.

(END)